



SABAH ENERGY CORPORATION SDN. BHD.

199601009602 (No.381950-H)


KENYATAAN DASAR KESELAMATAN, KESIHATAN DAN ALAM SEKITAR

SABAH ENERGY CORPORATION komited untuk menyediakan tempat kerja yang selamat dan sihat untuk semua pekerja dan orang lain yang terlibat di dalam aktiviti-aktivitinya, serta memberikan perlindungan yang sewajarnya terhadap alam sekitar sepanjang pelaksanaan operasi syarikat.

Pihak pengurusan serta para pekerja akan bekerjasama bagi memastikan komitmen ini direalisasikan.

Kami komited untuk:

1. Mematuhi semua undang-undang berkaitan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar serta kod amalan industri yang diluluskan.
2. Mencegah kemalangan, kecederaan dan penyakit pekerjaan dengan mengenalpasti dan menghapuskan atau mengurus sebarang risiko Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar yang berkaitan dengan operasi syarikat.
3. Menyediakan dan menyelenggara fasiliti serta peralatan yang selamat, serta memastikan penyimpanan dan pengendalian bahan secara cermat.
4. Mewujudkan Sistem Pengurusan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar bagi memastikan penambahbaikan berterusan di dalam aspek pengurusan serta prestasi Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar.
5. Melengkapkan para pekerja, kontraktor serta pelanggan dengan informasi, panduan, latihan serta penyeliaan yang mencukupi.
6. Memberikan tindak balas yang pantas, efektif serta cermat terhadap sebarang kemalangan atau kecemasan yang berpunca daripada operasi syarikat.
7. Menilai serta menyemak operasi syarikat secara berterusan.


Datuk Adzmir Abd. Rahman
Ketua Pegawai Eksekutif

Tarikh: 12^{hb} Oktober 2023

